

04 DEC 1999

Ali-Pembangunan

KERAJAAN MELAKA MAMPU BAWA PEMBANGUNAN DI KAWASAN BANDAR

MELAKA, 4 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Wira Mohamed Ali Rustam yakin kerajaan negeri Melaka yang dipimpinnya mampu membawa pembangunan lebih banyak di kawasan bandar dan pinggiran bandar.

"Saya fikir boleh terlibat banyak dalam aspek pembangunan di kawasan berkenaan kerana saya memahami kehendak dan masalah yang berlaku di kawasan itu," katanya pada persidangan berita, di sini hari ini.

Terdahulu, Mohamed Ali yang baru dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka yang kesembilan, ditemuramah dan melawat Radio Tiga Melaka, Jabatan Penyiaran Malaysia di Jalan Tun Seri Lanang.

Beliau mengakui masih terdapat masalah perumahan, prasarana dan infrastruktur serta kemudahan asas dan sosial di kawasan bandar yang boleh ditingkatkan.

Kaatnya beliau juga mengalu-alukan idea dan pandangan semua pihak di negeri ini untuk memajukan Melaka dan mereka boleh berbuat demikian dengan menulis terus kepada beliau.

Mengenai usaha kerajaan negeri dalam tempoh lima tahun ini, Mohamed Ali berkata wawasannya ialah untuk meningkatkan program pembangunan dan pelancongan di negeri ini.

"Kerajaan negeri juga merancang untuk membaiki kelemahan dan meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat," katanya, dan meminta semua wakil rakyat Barisan Nasional (BN) melihat masalah sosial dan juga fizikal di kawasan masing-masing.

Mohamed Ali berkata semua manifesto dan janji BN pada pilihan raya lepas juga akan dilaksanakan.

BN menerima semula mandat membentuk kerajaan negeri yang baru setelah menang dengan majoriti dua pertiga. BN memenangi 21 daripada 25 kerusi yang dipertandingkan.

Mengenai senarai anggota Exco Kerajaan Negeri, beliau berkata ia akan diumumkan setelah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin ini.

Beliau berkata semua 21 wakil rakyat BN di negeri ini menunjukkan prestasi kerja yang baik dan akan dipertimbangkan untuk jawatan Exco itu.

-- BERNAMA

NO NAK